

METHADONE SYRUP

Methadone Hydrochloride (5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Methadone Syrup
2. Bagaimana Methadone Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Methadone Syrup
4. Cara menggunakan Methadone Syrup
5. Semasa menggunakan Methadone Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Methadone Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Methadone Syrup

Methadone Syrup digunakan untuk rawatan ketagihan dadah opioid.

Bagaimana Methadone Syrup berfungsi

Methadone Syrup mengandungi methadone hydrochloride sebagai bahan aktif. Ia tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil opioid. Sila rujuk kepada doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan yang berkaitan ubat ini kenapa diberikan untuk anda. Doktor anda mungkin telah preskripsikan untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Methadone Syrup

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Methadone Syrup:

- Sekiranya anda hipersensitiviti pada Methadone atau ubat opioid lain ataupun mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini
- Jika anda mengalami masalah paru-paru seperti asma atau kesukaran bernafas
- Jika anda mempunyai kecederaan kepala baru-baru ini atau peningkatan tekanan di kepala
- Jika anda mengambil, atau telah mengambil ubat kemurungan dikenali sebagai Monoamine Oxidase Perencat (MAOIs) dalam dua minggu lepas
- Jika anda mempunyai kebergantungan kepada dadah bukan opioid.
- Jika anda mempunyai serangan asma.
- Jika anda mempunyai hipersensitiviti kepada hydroxybenzoates.

Simptom reaksi alergi termasuk sesak nafas, sempit, kesukaran untuk bernafas, bengkak pada muka, bibir, lidah atau di mana-mana

bahagian badan yang lain, ruam, atau gatal pada kulit.

Pengunaan ubat semasa bersalin tidak digalakkan dalam tempoh yang berpanjangan boleh meningkatkan risiko kemurungan neonatal. Methadone tidak sesuai untuk kanak-kanak.

- Sebelum menggunakan Methadone Syrup

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:-

- Jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- Jika anda kurang kelenjar tiroid.
- Jika anda mempunyai masalah prostat.
- Jika anda adalah warga emas atau pesakit yang tenat.
- Jika anda mempunyai masalah sembelit.
- Jika anda mempunyai masalah jantung (*cardiac conduction abnormalities, advanced heart disease or ischaemic heart disease*).
- Jika anda mempunyai keabnormalan elektrolit.

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan Methadone Syrup jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan telah menimbang segala risiko serta manfaat untuk anda

- Jika menggunakan ubat- ubat lain

Sesetengah ubat tidak boleh bercampur dengan Methadone. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil yang berikut:

- alkohol
- Rifampicin and Ciprofloxacin, rawatan untuk jangkitan bakteria
- Anticonvulsants, ubat untuk sawan seperti Phenytoin, Carbamazepine, Primidone
- Monoamine Oxidase (MAO) Inhibitors, untuk rawatan depresi
- Ubat untuk keasidan kencing
- Central Nervous System Depressants and Opioid Agonist Analgesics
- Naloxone, rawatan untuk narkotik berlebihan
- Naltrexone, rawatan untuk ketagihan opioid
- Antiviral, rawatan untuk virus HIV
- Buprenorphine/Pentazocine
- Cimetidine, ubat untuk gastric

- Azole antifungal agen, rawatan untuk jangkitan fungus.

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat untuk langkah berjaga-jaga atau perlu dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Methadone Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Methadone Syrup tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda.

Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda telah menetapkan.

Pengambilan oral

Dewasa: Pada mulanya 10 - 20 mg setiap hari, dos bertambah secara berkala sebanyak 10 - 20 mg setiap hari sehingga tidak ada simptom penarikan atau intoksifikasi. Dos yang biasa ialah 40 - 60mg sehari. Dos yang diselaraskan mengikut tahap pergantungan dengan tujuan untuk pengurangan secara beransur-ansur..

- Bila perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor dan ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menukar dos tanpa merujuk dengan doktor anda.

Doktor anda mungkin akan mengurangkan jumlah dos yang anda mengambil sebelum berhenti sepenuhnya untuk mengurangkan kesan-kesan sampingan pengambilan ubat ini.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gantikan dos anda untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak sirap dengan tidak sengaja, hubungi doktor anda dengan segera atau mendapatkan rawatan perubatan. Antara simptom -simptom pengambilan berlebihan ialah:

- Kesukaran bernafas
- Mengantuk sampai boleh membawa seseorang ke koma
- Pengecutan anak mata

- Rangka otot lembik
- Kulit merasa sejuk, dingin dan berlegas
- Debaran jantung berkurangan
- Tekanan darah rendah
- Kesukaran untuk bernafas
- Masalah peredaran darah
- Kematian

Semasa menggunakan Methadone Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Methadone Syrup mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda

- Perkara yang tidak dilakukan

Jangan kongsi ubat - ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Methadone Syrup boleh memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan, Methadone Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya. Methadone mempunyai potensi untuk meningkatkan tekanan intrakranial, terutamanya dalam keadaan di mana ia telah dibangkitkan. Depresi pernafasan, eksaserbasi asma, tekanan darah rendah, loya, muntah, sembelit, kesukaran membuang air kecil, Spasma biliari and ureterik, kekeringan mulut, mengantuk, rasa tidak sihat dan tidak selesa, halusinasi, perasaan tidak kekal, denyutan jantung yang perlahan dan tidak teratur, ruam, gatal pada kulit, pergantungan, penurunan libido (keinginan seksual yang rendah) dan pegecutan anak mata kadang kala telah dilaporkan. Toleransi kepada beberapa kesan sampingan telah didapati berkembang. Pengambilan jangka masa panjang, menghasilkan peluh berlebihan serta menaikkan paras prolaktin.

Kes-kes pemanjangan QT dan torsades de pointes (irama jantung yang tidak teratur) telah jarang dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami apa sahaja yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan yang lain tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03 78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→ *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Methadone Syrup

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan Warna Produk

Sirap warna merah tanpa rasa

-Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif
 - Methadone Hydrochloride
- Bahan tidak aktif
 - Methyl Paraben
 - Propyl Paraben
 - Sodium Benzoate
 - Ponceau C 4R
 - Propylene Glycol
 - Sugar

- Nombor MAL

MAL08031395AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

22/01/2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)150116/00012